

# UMS anjur

## Karnival Inovasi Perniagaan

### 5 Disember ini

UB 28.11.2013 2

**KOTA KINABALU:** Pelajar Tahun Tiga, Kursus Pengurusan Perhotelan Sekolah Perniagaan Ekonomi (SPE), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Karnival Inovasi Perniagaan pada pada 5 Disember depan.

Program berkenaan yang dikelolakan oleh Song Xiu Hui di bawah pemantauan pensyarah modul Atur Cara Khas, Juliana Langgat akan diadakan bermula jam 8 pagi sehingga jam 5 petang bertempat di perkarangan Dewan Canselor UMS.

Bercakap dalam satu kenyataan, Song berkata objektif utama karnival itu adalah untuk mengetengahkan pelbagai inovasi perniagaan yang merangkumi pelbagai bidang.

Menurutnya selain pelajar Kursus Pengurusan Perhotelan, pelajar daripada kursus lain seperti pelajar Keusahawanan dan pelajar Sains Pengurusan Makanan juga turut terlibat dalam menjayakan acara ini.

“Banyak aktiviti akan menjadi pengisian karnival yang berlangsung selama sehari ini. Antaranya, demonstrasi makanan daripada chef jemputan, sesi ceramah daripada Malaysian Association of Hospitality (MAH) serta pameran dan barangan hasil kreativiti,” katanya.

Selain itu, Song berkata pengunjung juga akan disajikan beberapa jenis permainan yang disediakan oleh pihak penganjur seperti Onion Crush, Fruit Attack dan Test and Guess.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan kehadiran orang ramai khususnya pelajar-pelajar yang mengambil kursus Pengurusan Perhotelan dan Pelancongan Institusi Pengajian Tinggi di sekitar Kota Kinabalu.

Sebarang maklumat lanjut boleh menghubungi beliau di talian 016-692 8189 melayari laman facebook rasmi Carnival of Business Innovation 2013, UMS.